



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**9 DISEMBER 2021**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 329 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 236,375 kes. Sebanyak tiga (3) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Kota Kinabalu, Kota Marudu dan Tuaran. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 325 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 226,655 orang. Manakala 1,164 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 575 orang di hospital, 579 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 52 orang merangkumi 52 di ICU/repurposed kritikal care manakala 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 38 (26.76%).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning empat (4) daerah.
- Zon Jingga dua (2) daerah.
- Zon Merah 21 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 7 kes hari ini berbanding semalam menjadikan jumlah kes baharu pada 329 kes.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi dengan 73 kes, Tuaran 32 kes, Penampang 31 kes dan Ranau 23 kes. Salah satu daerah dalam kumpulan "Empat Serangkai" iaitu Kota Belud terkeluar daripada kumpulan tersebut apabila mencatat cuma 16 kes hari ini. Sebanyak 16 daerah merekodkan kes pada angka satu (1) digit sahaja dan satu daerah iaitu Semporna tidak merekodkan sebarang kes baharu.
- c. Secara perbandingan, 15 daerah mencatatkan peningkatan kes harian tetapi dengan dua (2) daerah menunjukkan peningkatan yang agak tinggi iaitu Kota Kinabalu +20 kes dan Penampang +11 kes. 11 daerah mencatatkan penurunan dengan tiga (3) daripadanya penurunan dua (2) angka iaitu Tuaran -23 kes, Beaufort -13 kes dan Ranau -11 kes. Satu daerah merekodkan catatan sebagaimana semalam.
- d. Satu (1) kluster baharu yang melibatkan institusi pendidikan diistiharkan hari ini. Kluster yang diberi nama Kluster Debut Timbua di daerah Ranau berpunca daripada seorang guru lelaki yang dikesan positif melalui Saringan Kendiri. Siasatan dan saringan lanjut dikalangan kontak rapat mendapati seramai 31 orang lagi telah dijangkiti. Kesemua pesakit telah diasingkan dan dirawat sewajarnya. Antara lokaliti yang terlibat dengan kluster ini ialah Asrama SMK Timbua, Kuarters SMK Timbua dan Kuarters SMA Mohd Ali.

- e. Hampir 97% daripada pesakit hari ini berada dalam Kategori 1 dan Kategori 2, seorang pesakit dalam Kategori 3, dua (2) orang pesakit dalam Kategori 4 dan tidak ada pesakit dalam Kategori 5 pada hari ini. Tujuh (7) pesakit lagi masih dalam penilaian lanjut JKNS.
- f. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (155) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	12	3.65%
2	Bergejala	146	44.38%
3	Kontak	155	47.11%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	16	4.86%
<b>JUMLAH</b>		<b>329</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (8 Disember 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 08/12/2021	Catatan Kes 09/12/2021	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	53	73	+20
2	Penampang	20	31	+11
3	Kinabatangan	0	9	+9
4	Papar	11	19	+8
5	Tongod	0	5	+5
6	Kudat	6	10	+4
7	Kunak	0	4	+4
8	Kalabakan	0	4	+4
9	Tenom	8	11	+3
10	Putatan	15	17	+2
11	Sandakan	11	13	+2
12	Tawau	3	5	+2
13	Nabawan	0	2	+2
14	Telupid	0	2	+2
15	Lahad Datu	2	3	+1
16	Tambunan	3	3	Mendatar
17	Tuaran	55	32	-23
18	Beaufort	21	8	-13
19	Ranau	34	23	-11
20	Kota Belud	25	16	-9
21	Keningau	23	18	-5
22	Kota Marudu	11	6	-5
23	Sipitang	6	4	-2
24	Pitas	5	4	-1
25	Beluran	2	1	-1
26	Semporna	1	0	-1
27	Kuala Penyu	7	6	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>322</b>	<b>329</b>	<b>+7</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (25 November – 08 Disember)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	44	25	0	4	73	862
Tuaran	0	18	13	0	1	32	653
Penampang	0	9	20	0	2	31	416
Ranau	11	7	4	0	1	23	304
Papar	0	5	13	0	1	19	306
Keningau	0	8	9	0	1	18	235
Putatan	0	12	5	0	0	17	223
Kota Belud	0	13	3	0	0	16	383
Sandakan	1	4	8	0	0	13	117
Tenom	0	2	7	0	2	11	159
Kudat	0	4	5	0	1	10	128
Kinabatangan	0	7	1	0	1	9	144
Beaufort	0	2	6	0	0	8	255
Kota Marudu	0	1	5	0	0	6	206
Kuala Penyu	0	2	3	0	1	6	157
Tawau	0	2	3	0	0	5	73
Tongod	0	0	5	0	0	5	39
Sipitang	0	1	3	0	0	4	93
Pitas	0	4	0	0	0	4	74
Kunak	0	2	2	0	0	4	6
Kalabakan	0	3	0	0	1	4	12
Tambunan	0	2	1	0	0	3	68
Lahad Datu	0	1	2	0	0	3	63
Telupid	0	1	1	0	0	2	32
Nabawan	0	0	2	0	0	2	6
Beluran	0	1	0	0	0	1	75
Semporna	0	0	0	0	0	0	7
<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>	<b>155</b>	<b>146</b>	<b>0</b>	<b>16</b>	<b>329</b>	<b>5,096</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Ranau	Kluster Debut Timbua	11
Sandakan	Kluster Sungai Batang	1
	<b>Jumlah</b>	<b>12</b>

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Kluster Debut Timbua - Ranau** adalah kluster jenis institusi pendidikan di daerah Ranau melibatkan guru, pelajar serta ahli keluarga guru SMK Timbua, Ranau. Kes indeks adalah lelaki tempatan, 37, guru di SMK Timbua yang dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala kendiri pada 03 Disember 2021. Kes indeks kemudian menjalani kuarantin kendiri dan ujian pengesahan RT-PCR yang diambil 04 Disember 2021 menunjukkan beliau positif. Saringan terhadap keluarga kes indeks, guru-guru kontak rapat, keluarga mendapati sebanyak 31 kes lagi sekaligus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 32 kes. Semua pesakit telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Sehingga hari ini, kawasan yang terlibat adalah asrama SMK Timbua, Kuarters SMK Timbua dgn Kuarters SMU Ali, Ranau.

7 Jumlah kapasiti katil 4,361 unit

- Hospital 1,320 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,851 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 26.69%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 09 DISEMBER 2021

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	329
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>329</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	321
Bukan Malaysia	8
<b>Jumlah</b>	<b>329</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	67
Belum Menerima Vaksin	37
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	225
<b>Jumlah</b>	<b>329</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	27
6 to 11	36
12 to 17	18
18 to 25	49
26 to 59	172
>60	23
<b>Jumlah</b>	<b>329</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 08 Disember 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 3,315 orang. Daripada jumlah ini, seramai 3,054 orang adalah penduduk dewasa dan 261 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 08 Disember 2021 adalah seramai 2,443,388 orang. Ini meliputi 2,108,481 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.44% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,395,515 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,086,464 orang atau 75.64% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 334,907 orang atau 77.17% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 309,051 atau 71.21% orang setakat ini.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **679,746** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 8,969 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 32 kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
  - 31 Orang : Individu Gagal Memastikan Penjarakan Fizikal
  - Satu (1) Orang : Pemilik Premis Gagal Patuhi Waktu Operasi

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 149 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 843 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Penampang atas kesalahan individu gagal mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera atau mencatat nama dan nombor telefon dalam buku pendaftaran. Sebanyak satu (1) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau.
  - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 637 premis perniagaan dan 993 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 261 Premis Perniagaan melibatkan 160 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 111 anggota di 222 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 20 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di dua (2) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 165 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Lahad Datu	98.9%
2	Kota Kinabalu	98.9%
3	Penampang	98.9%
4	Ranau	98.8%
5	Kudat	98.8%
6	Beluran	98.8%
7	Kota Belud	98.8%
8	Sandakan	98.8%
9	Tawau	98.8%
10	Keningau	98.8%
11	Kota Marudu	98.8%
12	Beaufort	98.8%
13	Kunak	98.8%
14	Papar	98.8%
15	Tuaran	98.8%
16	Kinabatangan	98.7%
17	Semporna	98.7%
18	Tenom	98.7%
19	Sipitang	98.7%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**